Serangan yang dilakukan oleh atau dikaitkan dengan kumpulan militan Islam di Asia Tenggara

28 Jun 2016

Lapan orang terbunuh dalam serangan bom tangan di kelab malam di Kuala Lumpur, Malaysia.

Polis Malaysia percaya serangan itu dilakukan atas perintah pejuang ISIS warga Malaysia yang berada di Syria, Muhammad Wanndy Mohamed Jedi.

25 Jun 2017

Seorang pegawai polis di Sumatera Utara terbunuh kerana ditikam semasa menjalankan tugas.

Seorang daripada dua penyerang dibunuh polis. Lagi seorang, yang cedera, dikenal pasti sebagai penduduk Medan yang pernah ke Syria untuk menyertai ISIS.

14 Januari 2016

Empat terbunuh, lebih 20 cedera dalam beberapa serangan di pusat bandar Jakarta, Indonesia.

Pihak berkuasa telah mengaitkan serangan dengan pejuang ISIS yang berasal dari Indonesia, yang pulang dari berjuang di Syria dan Iraq.

24 Mei 2017

Tiga terbunuh, 11 cedera dalam dua serangan bunuh diri di Jakarta, Indonesia.

Pihak berkuasa di Indonesia mengaitkan serangan ini dengan ISIS.

3 September 2016

14 terbunuh dalam letupan di Davao, Filipina.

Pemerintah Filipina telah mengaitkan serangan dengan kumpulan militan Abu Sayyaf.

23 Mei 2017

Sekurang-kurangnya 800 mati dan ribuan terusir dari tempat tinggal di Marawi, Filipina.

Serangan dilakukan oleh kumpulan militan Maute, yang berada di bawah naungan ISIS. Ia ingin menguasai kota untuk dijadikan pangkalan ISIS di Asia Tenggara.

Senarai serangan ini tidak bertujuan memuatkan semua serangan militan yang berlaku di Asia Tenggara.

Sumber: **CNN, AFP, BH, ST**